

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam pendidikan Islam dengan memberi tumpuan di negeri Kelantan. Kajian ini memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh KEMAS terutamanya program yang dilaksanakan dalam pendidikan Islam dan kesan daripada aktiviti yang dijalankan itu. Pendekatan kajian ini bercorak sejarah, perbandingan dan kritikan. Kajian ini mempunyai lima bab seperti bab satu membicarakan tentang metode kajian secara ringkas seperti latar belakang masalah, pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, skop kajian, ulasan penulisan, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan. Bab dua pula memfokuskan latar belakang dan program KEMAS negeri Kelantan secara umum yang melibatkan semua bahagian di dalam KEMAS. Di dalam bab ini juga penulis menerangkan penglibatan KEMAS dalam pendidikan Islam. Manakala bab tiga pula tumpuan lebih khusus kepada peranan yang telah dimainkan oleh KEMAS dalam mengembangkan pendidikan Islam. Ini jelas menerusi program keagamaan yang telah dianjurkan oleh jabatan ini. Bab empat difokuskan kepada analisis data berkenaan peranan dan kesan yang diterima oleh para peserta yang mengikuti program ini. Akhir sekali bab lima mengandungi kesimpulan dan saranan terhadap kajian ini.

ABSTRACT

The present study is an attempt to describe the role of the Community Development Department (KEMAS) in Islamic education in reference to the state of Kelantan. This study focuses on the role played by KEMAS especially the Islamic education programmes implemented and the impact of its activities. This study uses historical, comparative and critical approaches. There are five chapters altogether in this study. Chapter one defines the background of the problem, the definition of the topic, the summary of the problem, the aims and scope of the research, literative review, research methodology and the layout of the dissertation. Chapter two focuses on the general background of KEMAS which involves all the departments in the state of Kelantan. The third chapter emphasizes on the role played by KEMAS in Islamic education. This is clearly seen in the Islamic programmes sponsored by this department. The fourth chapter analysis the role and impact received by the participant of the above – mentioned programmes. Finally, chapter five contains the conclusion and proposals of this study.